

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN (DESIRE)**

BIL. 3/2010

Tarikh: 10 Disember 2010 (Jumaat)
Masa: 9.30 pagi
Tempat: Dewan Perdana
Tingkat 16, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,
Kuala Lumpur.

Kehadiran:

1. WAKIL LHNDM		
1.	Encik Mohammad Sait Bin Ahmad	Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) (Pengerusi)
2.	Encik Mahmood Bin Daud	Pengarah Pejabat Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya
3.	Encik Mohd Idris Bin Mamat	Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai
4.	Encik Abd Aziz Bin Hashim	Pengarah Jabatan Operasi Cukai
5.	Puan Nor'aini Binti Ja'afar	Pengarah Jabatan Cukai Korporat
6.	Puan Asriah Binti Shaari	Pengarah Pejabat Negeri Selangor
7.	YBhg. Datin Josephine John	Pengarah Pejabat Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
8.	Cik Puteh Mariah Binti Harun	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil
9.	Cik Halijah Binti Bulat	Pengarah Jabatan Dasar Percukaian
10.	Encik Md Jamil Bin Sahrif	Pengarah Cawangan Klang
11.	Encik Saibun Bin Salam	Pengarah Cawangan Cheras
12.	Encik Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Cawangan Petaling Jaya
13.	Puan Er Lee Keng	Pengarah Cawangan Jalan Duta
14.	Encik Sezali Bin Hj. Othman	Pengarah Cawangan Pungutan Kuala Lumpur

15.	Encik Sani Bin Mohd.Taib	Pengarah Bahagian Aplikasi E-Services, JTM
16.	Encik Ghani Bin Omar	Pengarah Cawangan Wangsa Maju
17.	Encik Zulkiflee Bin Md Tahir	Pengarah Cawangan Kuala Lumpur Bandar
18.	Puan Faizah Binti Omar	Ketua Penolong Pengarah Cawangan Shah Alam
19.	Puan Wan Ramiza Binti Wan Ghazali	Pengarah Bahagian Audit Multinasional, JCM
20.	Puan Hazlina Binti Hussain	Pengarah Bahagian Nasihat Perundangan, JUU
21.	Puan Rashidah Binti Hussin	Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, JKK
22.	Puan Wan Saodah Binti Wan Abu Bakar	Pengarah Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urusetia)
23.	Puan Suriyati Binti Abdullah	Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pelanggan JOC (Urusetia)
24.	Puan Norhan Binti Jaafar	Penolong Pegawai , Bahagian Pengurusan Pelanggan JOC (Urusetia)
25.	Puan Bavani Joseph	Penolong Pegawai Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urusetia)

2. WAKIL PERSATUAN

2.1. PERSATUAN AKAUNTAN

26	Encik Chow Kee Kan	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
27.	Encik Lim Kok Seng	CTIM
26.	Encik Khoo Chin Guan	CTIM
27.	Cik Seah Siew Yun	CTIM
28.	Encik Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
29.	Cik Frances Po	MIA
30.	Puan Azlina Binti Zakaria	MIA

31.	Puan Shuhairah Binti Othman	MIA
32.	Puan Yeong Hoon Li	MIA
33.	Tuan Hj Abd Aziz Bin Abu Bakar	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
34.	Puan Haslinda Binti Azman	MATA
35.	Encik Musa Bin Othman	MATA
36.	Encik Rosalie Bin Md Usop	MATA
37.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
38.	Encik Ong Whee Tiong	MAICSA
39.	Cik Nurul Aliza Binti Abd Aziz	MAICSA
40.	Dr. Zalina Binti Dato' Haji Mohd Sahir	ICMA
41.	En. Azmi Bin Jaafar	ICMA
42.	Puan Theresa Goh	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
43.	Puan Woon Yoke Lee	MICPA
44.	Puan Phoon Sow Cheng	MICPA
45.	Puan Cheong Li Wei	MICPA
2.2. PERSATUAN BEKAS PEGAWAI HASIL DALAM NEGERI		
46.	YBhg. Dato' Shahmin Ta Bin Abdullah	Bekas Pegawai Hasil
47.	Encik Harpal S Dhillon	Bekas Pegawai Hasil

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam sejahtera dan salam 1Malaysia serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.
- 1.2 Pengerusi memberi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Dr Mohd Shukor Bin Hj Mahfar, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) yang juga mantan Pengerusi Mesyuarat DESIRE di atas sumbangan YBhg Dato' kepada mesyuarat DESIRE serta kepimpinan beliau dalam menerajui Dialog Operasi yang telah mencetuskan kewujudan *working group* (DESIRE).
- 1.3 Pengerusi berpendapat mesyuarat harus berpatah balik kepada tujuan asal pewujudan DESIRE, iaitu membincangkan pembaharuan dan penambahbaikan operasi percukaian dan dengan itu, mengekalkan perkara berkaitan pelaksanaan dalam Dialog Operasi supaya mesyuarat lebih fokus. Walau bagaimanapun, bagi mesyuarat kali ini, semua isu yang telah diketengahkan akan dibincang dan diselesaikan juga.
- 1.4 Pengerusi turut menjelaskan bahawa beliau akan melaksanakan tugas operasi sehingga arahan baru dikeluarkan walaupun jawatan beliau sekarang adalah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar).

2. PENGESAHAN CATATAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat DESIRE Bil 2/2010 disahkan dengan makluman dan tindakan seperti berikut:

2.1 Perkara 2.3 - *Status of Client to Host Application*.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Fasa 1 dan Fasa 2 telah dilancarkan seperti tarikh di bawah dan Fasa 3 akan dilancarkan pada 12 Februari 2011 sebagaimana yang ditetapkan dalam *Timeline* pembangunan.

Fasa 1 : e-B	20 September 2010
Fasa 2 : e-C & e-R	21 Oktober 2010

Selain daripada itu, mesyuarat turut dimaklumkan bahawa belum ada pengguna bagi modul e-C & e-R. Oleh yang demikian, LHDNM tidak dapat menguji kebolehan sebenar sistem berdasarkan *actual life data*.

Para wakil persatuan diminta untuk menggunakan aplikasi ini serta mengemukakan maklum balas.

Tindakan: Persatuan Akauntan

2.2 Perkara 2.4 - *PCB audit on partnership.*

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cawangan telah mengambil maklum bahawa gaji yang diterima oleh ahli kongsi (*partnership*) tidak tertakluk kepada PCB kerana ia merupakan pendapatan daripada perniagaan.

LHDNM diminta untuk memaklumkan cawangan sebarang keputusan yang telah dicapai di peringkat Ibu Pejabat untuk tujuan keseragaman.

Urusetia diminta untuk memaklumkan kepada wakil persatuan apabila LHDNM mengeluarkan arahan dalaman berkenaan tindakan dan keputusan yang telah diambil. Memo atau arahan berkaitan tidak perlu disertakan sekali.

Tindakan: LHDNM (JPC)

2.3 Perkara 2.5 - *SME – Exemption from furnishing estimate of tax payable*

Mesyuarat dimaklumkan bahawa CP204 dan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) telah dipinda. Bagaimanapun, penggunaan borang ditangguh sehingga sistem komputer sudah dipinda.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa:

- i. Sekiranya pembayar cukai tidak mengemukakan CP204, masalah akan timbul apabila penalti di bawah Seksyen 107C (10) ACP 1967 hendak dikenakan;
- ii. Pindaan ke atas BNCP (Borang C) adalah untuk mengenalpasti bahawa pembayar cukai adalah pemilik SME atau sebaliknya. Penalti tidak akan dikenakan jika berkaitan;
- iii. Definasi SME adalah sebagaimana terdapat dalam Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- iv. Pindaan BNCP (Borang C) di jangka siap pada April 2011 dan akan dikeluarkan untuk Tahun Taksiran 2011.

Pengerusi mengarahkan supaya:

- i. Definisi SME dimasukkan dalam Borang C supaya pembayar cukai boleh mengenalpasti sama ada mereka SME atau di sebaliknya;
- ii. LHDNM diminta memaklumkan kepada Persatuan apabila pindaan di atas Borang C sudah dibuat.

Tindakan: LHDNM (JPH)

2.4 Perkara 2.6 - *Tax treatment for Director's Fee & Bonus Accrued*

Mesyuarat dimaklumkan, bagi kes individu, pengenaan cukai ke atas *Accrued Director Fees & Bonus* adalah berdasarkan *receipt basis*. Di sebaliknya, bagi syarikat, pengenaan cukai adalah berdasarkan *accrued basis*. Layanan yang sama juga diberi kepada perbelanjaan faedah, iaitu berdasarkan *accrued basis*. Sebaliknya jika faedah dilaporkan di bawah Seksyen 4(c) ACP 1967, pengenaan cukai adalah berdasarkan *receipt basis*.

Tindakan: Makluman

2.5 Perkara 2.7 - *Loans to Directors*

Mesyuarat dimaklumkan bahawa andaian seperti berikut dikenalpasti:

- i. Pinjaman kepada pengarah bukan merupakan BIK. Definisi BIK telah dinyatakan dalam ketetapan Umum Bil 2/2004 bertarikh 8 November 2004.
- ii. Layanan cukai ke atas pinjaman pengarah berdasarkan *audit findings* adalah bergantung kepada fakta kes iaitu :
 - a. pinjaman pengarah yang gagal dijelaskan dalam jangka masa yang lama akan dianggap sebagai "dividen" dan akan dikenakan cukai ke atas pengarah;
 - b. pinjaman tanpa faedah yang diberi kepada pengarah akan dikenakan faedah pada kadar sepatutnya (mengikut transaksi selengan) dan faedah tersebut dikenakan cukai ke atas syarikat.

Mesyuarat memutuskan supaya Persatuan merujuk terus kepada Jabatan Dasar Percukaian bagi hal-hal yang melibatkan isu teknikal.

Tindakan: Persatuan

2.6 Perkara 3 – HAL-HAL LAIN

2.6.1 Perkara 3.1.1

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cawangan telah diarahkan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Persatuan mengambil maklum bahawa isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan *expatriate* yang telah menamatkan perkhidmatannya di Malaysia. Sebelum meninggalkan Malaysia, *expatriate* telah memfailkan BNCP dan Sijil Penyelesaian Cukai (SPC) telah dikeluarkan.

LHDNM diminta memberi pengesahan bahawa Borang J dan SPC dikeluarkan serentak kepada *expatriate*.

Pengerusi memaklumkan bahawa perbincangan dalaman telah pun dibuat berkaitan hal ini. Masalah tidak hanya berbangkit di peringkat pungutan tetapi juga kepada majikan untuk mengesan pekerja berkaitan. Adalah sukar untuk mengambil tindakan ke atas *expatriate* kerana mesti berurusan melalui Wisma Putra.

Kegagalan cawangan untuk mematikan fail juga menjadi punca kepada masalah ini. Ini kemungkinan berlaku kerana bayaran masih belum diterima dan tiada tindakan susulan diambil bagi kes berkenaan kerana menganggap *deemed to be settle*. Laporan Audit Negara menunjukkan ada kes di mana SPC telah dikeluarkan kepada *expatriate* tetapi bayaran masih belum diterima.

Selain itu, mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Borang J tidak dikeluarkan semasa penyediaan SPC. Ini kerana, bagi kes tempatan, berkemungkinan pekerja yang bersara / berhenti kerja masih mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai dan perlu mengisi BNCP untuk tahun berikutnya. SPC dikeluarkan bersama-sama dengan pengiraan cukai semasa.

Pengerusi mengingatkan supaya:

- i. Cawangan memastikan potongan cukai sudah dibuat oleh majikan. Jika bayaran masih tidak diterima, tindakan keatas majikan perlu diambil;

- ii. **Bagi pemberhentian luar negara taksiran pendahuluan dibangkitkan. SPC dikeluarkan bersama dengan Notis Taksiran Pendahuluan.**

Tindakan: LHDNM (JOC)

2.6.2 Perkara 3.1.2

Ejen Cukai diminta untuk memaklum LHDNM apabila terdapat pertukaran alamat premis perniagaan.

Tindakan: Makluman

2.6.3 Perkara 3.4.1 - Kedudukan Cukai

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pindaan ACP 1967 telah dicadangkan bagi *set-off* kredit. Garis Panduan akan dikeluarkan tahun hadapan dan akan dipamerkan dalam Web Hasil sebaik saja diluluskan.

Selain daripada itu, mesyuarat turut dimaklumkan bahawa cawangan telah diarahkan supaya membuat input dalam sistem sebaik saja permohonan pembayar cukai untuk menggunakan kredit bagi anggaran cukai tahun semasa diluluskan. Ini bertujuan supaya sistem boleh mengenal pasti kedudukan akaun pembayar cukai apabila penalti secara automatik dikenakan.

Tindakan: Makluman

2.6.4 Perkara 3.5 - Audit Luar

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pegawai dari Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah menghubungi ejen cukai berkaitan untuk tujuan mendapat maklum balas kes berkenaan. Bagaimanapun, ejen cukai berkenaan enggan memberi fakta kes berkenaan.

Mesyuarat memutuskan kes ditutup memandangkan tiada kerjasama daripada ejen cukai berkenaan.

Pengerusi memaklumkan, dalam Majlis Menandatangani Ikrar Memerangi Rasuah antara kerajaan (SPRM) dan pihak swasta berkenaan integriti dan rasuah pada 9 Disember 2010, salah satu daripada isu yang dibangkitkan ialah masalah *corrupt people* sukar diselesaikan kerana tidak ada kerjasama daripada saksi selepas kes diketengahkan. Masalah yang sama berlaku dalam kes yang dimaklumkan oleh Pengarah JPC.

Pengerusi memberi jaminan organisasi akan bertindak sekiranya mendapat maklumat daripada persatuan / orang awam dan berharap pihak terlibat lebih telus dan bersikap terbuka untuk kebaikan bersama.

Tindakan: Makluman

2.6.5 Perkara 3.6 -Masa untuk pengemukakan BNCP

- i. Mesyuarat mengesahkan bahawa lanjutan masa 3 hari adalah tertakluk kepada *Intepretation Act*, iaitu 3 hari bekerja kerana takrifan hari di bawah *Inteperation Act* adalah seperti berikut:

Kurang daripada 7 hari	Hari bekerja
Lebih daripada 7 hari	Termasuk cuti umum dan cuti am

- ii. *Deadline* untuk mengemuka BNCP melalui media elektronik (e-Filing) ialah pada pukul 12.00 tengah malam hari terakhir.

Tindakan: Makluman

3. PERBINCANGAN

Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan utama mesyuarat hari ini adalah untuk membincangkan isu berikut:

- i. Mewujudkan kelulusan ejen cukai berperingkat di bawah Subseksyen 153(3) ACP 1967 (ekstra Kertas Cadangan ada dibekalkan);
- ii. Takrifan ejen cukai di bawah Seksyen 153 ACP 1967 dan kelayakan mewakili pembayar cukai.

3.1 Kertas cadangan mewujudkan kelulusan ejen cukai berperingkat di bawah Subseksyen 153(3) ACP 1967

- i. Antara penyusunan semula yang dicadangkan ialah mewujudkan tiga peringkat kelulusan bagi ejen cukai di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967 dan kelayakan mewakili pembayar cukai berdasarkan kategori pembayar cukai dan jenis kerja percukaian yang perlu dijalankan.
- ii. Adalah dicadangkan kelulusan ejen cukai diberi mengikut peringkat seperti berikut:
 - a. Peringkat pertama

Mengendalikan kes selain syarikat dan kerja percukaian berdasarkan rekod perakaunan yang lebih mudah.
 - b. Peringkat kedua

Mengendali kes selain syarikat dan syarikat tetapi tidak termasuk kes pengangkutan udara , perkapalan, perbankan, insuran, pajakan dan petroleum.
 - c. Peringkat ketiga

Mewakili semua kategori di atas dan termasuk hal-hal percukaian yang lebih rumit seperti kes siasatan, galakan dan insentif cukai.

3.1.1 Asas pengemukaan cadangan oleh LHDNM

- i. Masalah ejen cukai yang berwibawa

LHDNM menghadapi masalah dengan perkhidmatan yang diberi oleh ejen cukai terutama sekali dalam pengendalian kes audit. LHDNM mendapati ada ejen cukai yang tidak berpengetahuan dalam mengendalikan kes melebihi tahap pengetahuan yang mereka miliki terutama sekali dalam segi undang-undang perakaunan percukaian.

Berlaku juga keadaan di mana integriti ejen cukai dipersoalkan kerana tidak menunaikan tanggungjawabnya berdasarkan etika kerja ejen cukai.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa:

- a) Masalah timbul apabila LHDNM menjalankan temuduga di mana calon didapati gagal menjawab soalan berkaitan pengalaman seperti yang dilapor dalam borang permohonan ejen cukai. LHDNM mengendalikan temuduga adalah berdasarkan subjek tertentu dan pengalaman pemohon. Berdasarkan rekod, daripada 5 calon yang ditemuduga hanya seorang sahaja yang lulus.
- b) Maklumbalas daripada penemuduga menunjukkan ada juga calon temuduga tidak mengetahui tanggungjawab sebagai ejen cukai, tidak memahami isu-isu teknikal yang mungkin dihadapi pembayar cukai, tidak memahami konsep Potongan Cukai Berjadual (PCB) dengan baik, malah juga tidak mengetahui tentang rangka kerja audit.

ii. Usaha meningkatkan bilangan ejen cukai dalam pasaran

LHDNM berpendapat bahawa bilangan ejen cukai masih tidak mencukupi. Dengan adanya sistem kelulusan berperingkat, ejen cukai boleh memohon Seksyen 153 ACP 1967 mengikut pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Pada masa yang sama, semasa temuduga calon akan hanya ditanya mengikut peringkat kelulusan yang dipohon.

Bukan semua pemohon / ejen cukai mahu mengendalikan semua aspek percukaian.

3.1.2. Maklum balas dari persatuan akauntan

i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa fokus perbincangan ialah:

- a. Kualiti dan kebolehan ejen cukai sedia ada dalam menterjemahkan tanggungjawab sebagai ejen cukai. Bagi mengatasi masalah ini, persatuan menyarankan LHDNM tidak menyokong pembaharuan lesen ejen cukai individu berkenaan.

LHDNM akan mengambil perhatian saranan ini.

- b. Di mana calon gagal menjawab soalan yang ditanya walaupun soalan adalah berkaitan dengan pengalaman yang dilaporkan oleh pemohon dalam borang

Permohonan Ejen Cukai, LHDNM diminta supaya tidak meluluskan permohonan calon tersebut.

LHDNM akan mengambil perhatian saranan ini.

Untuk tujuan rekod, persatuan memohon maklumat berkaitan:

- Bilangan keseluruhan permohonan ejen cukai; dan
- Bilangan calon yang gagal dan sebab-sebab mereka gagal.

Tindakan: LHDNM (JOC)

ii. Mesyuarat turut dimaklumkan berkaitan perkara berikut:

- a. Garis Panduan permohonan Seksyen 153 ACP 1967 sedia ada memenuhi tujuan dan kehendak seksyen tersebut;
- b. Mengikut peraturan sekarang, sebelum dilantik sebagai ejen cukai di bawah Seksyen 153 ACP 1967, pemohon perlu mempunyai ijazah perakaunan atau perniagaan dari universiti tempatan / luar negara. Di samping itu, pemohon perlu mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang percukaian;
- c. Dalam badan profesional seperti CTIM, MIA dan MICPA, ahli perlu melalui 3 tahun pengajian untuk mendapatkan *professional qualification* dan perlu mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan untuk melayakan mereka menghadiri temuduga;
- d. Dalam pengendalian kes audit, sekiranya dapati perkhidmatan yang diberi oleh ejen cukai tidak mencapai tahap sebagaimana yang diperlukan dan ejen cukai tersebut adalah ahli kepada sesuatu badan profesional, LHDNM diminta untuk melaporkan kepada badan berkenaan supaya tindakan sewajarnya boleh diambil;
- e. Isu tidak puas hati di antara ejen cukai dan pelanggan tidak harus timbul kerana di antara mereka telah ada perjanjian semasa pelantikan ejen cukai oleh pelanggan;

- f. Institut mencadangkan supaya LHDNM dan badan profesional menetapkan satu prosedur supaya tindakan disiplin boleh diambil ke atas ejen cukai yang didapati mempunyai prestasi kurang baik dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan;
 - g. Persatuan akan memberi kerjasama sekiranya LHDNM mengambil tindakan untuk memperketatkan lagi pemberian mata CPD kepada calon ejen cukai dan ejen cukai sedia ada; dan
 - h. Bagi maksud di atas badan profesional diminta berkerjasama dengan LHDNM supaya sebarang penambahbaikan perkhidmatan ejen cukai oleh LHDNM diambil maklum untuk tujuan menambah kecekapan ejen cukai.
- iii. Sebagai cadangan balas, LHDNM disaran untuk dua kategori kelulusan iaitu:
- a. Kelulusan yang dihadkan mengikut kes;
 - b. Kelulusan tanpa had; dan
 - c. Panel temuduga ejen cukai diwakili oleh badan profesional.

Wakil-wakil daripada CTIM, MIA dan MICPA (badan profesional) mencadangkan bahawa kelulusan ejen cukai pada masa kini terus dikekalkan dengan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menambahbaik proses temuduga supaya bilangan dan kualiti ejen cukai dapat dinaikkan. Badan profesional juga mencadangkan supaya bantuan dari segi persediaan untuk temuduga dapat diberikan kepada calon-calon supaya peluang kelulusan mereka dalam temuduga dapat ditingkatkan.

Salah seorang wakil yang hadir telah mencadangkan supaya kelulusan ejen cukai dibahagi kepada dua kategori iaitu kelulusan yang dihadkan mengikut kes dan kelulusan tanpa had. Walau bagaimanapun, cadangan beliau tidak disokong oleh wakil-wakil daripada badan profesional.

Badan profesional berharap panel temuduga ejen cukai dapat diwakili oleh badan profesional.

iv. Bagi maksud menambah bilangan ejen cukai, persatuan memohon maklumat seperti berikut dari LHDNM:

- Bilangan fail syarikat;
- Bilangan fail perniagaan dan penggajian;
- Jumlah pembayar cukai secara keseluruhan;
- Jumlah ejen cukai di bawah Seksyen 153 ACP 1967 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan; dan
- Bilangan kes yang diambil tindakan oleh wakil kepada ejen cukai berlesen.

Maklumat di atas diperlukan untuk tujuan memberi maklum balas kepada cadangan LHDNM.

Tindakan: LHDNM (JOC)

3.2 Takrifan ejen cukai di bawah Seksyen 153 ACP 1967

3.2.1 Menurut peruntukan seksyen 153 ACP, seseorang yang mewakili pembayar cukai bagi maksud ACP hendaklah seorang ejen cukai yang diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen 153(3) ACP.

Seseorang yang tidak memenuhi syarat di bawah Seksyen 153 ACP adalah *unauthorized tax agent*.

3.2.2 LHDNM bercadang untuk menguatkuasakan kehendak seksyen 153 dengan sepenuhnya. Bagaimanapun, penguatkuasaannya akan dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun dari sekarang kerana:

- i. Industri perkhidmatan percukaian belum bersedia sepenuhnya; dan
- ii. Bilangan ejen cukai juga masih belum mencukupi.

3.2.3. Dalam tempoh persediaan ini, LHDNM juga bercadang untuk mensyaratkan bahawa urusan seperti berikut mesti dilakukan oleh ejen cukai yang diluluskan sahaja:

- i. Kes penyiasatan; dan

- ii. Kes Rayuan dan Borang Q.

3.2.4 Terdapat kes di mana pembayar cukai diwakili oleh pekerja ejen cukai.

Mesyyuarat memutuskan, pekerja di syarikat ejen cukai tidak boleh dianggap secara automatik sebagai ejen cukai bagi maksud subseksyen 153(3) ACP. Hanya pekerja yang diluluskan oleh Menteri menurut peruntukan tersebut boleh dianggap sebagai ejen cukai dan dibenarkan berurusan sepertimana di subperenggan 3.2.2(i) dan (ii) dengan LHDNM.

3.3 HAL-HAL LAIN

Pengerusi memaklumkan:

- i. Pemberian jam CPD perlu diselaraskan bagi memastikan kursus / seminar percukaian yang dianjurkan oleh badan-badan profesional memenuhi *standard* masa yang ditetapkan.
- ii. LHDNM akan bercadang untuk menyediakan sistem *module e-Learning* dan peraturan percukaian. Di samping itu, LHDNM juga bercadang untuk menganjurkan kursus percukaian bagi orang awam / ejen cukai di Akademi Percukaian Malaysia.
- iii. Badan-badan profesional diminta untuk menghantar lebih ramai calon untuk temuduga / menggalakkan ahli memohon lesen ejen cukai pada masa hadapan agar semua individu yang mewakili pembayar cukai adalah ejen cukai yang diluluskan.

4 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan memaklumkan semua cadangan dan pandangan dari badan professional akan dikupas dan dipanjangkan kepada Bahagian Analisa Cukai (BAC) Kementerian Kewangan.

Mesyyuarat ditangguhkan pada pukul 12.30 tengahari.